



Tel: +(6)07-5530000 Faks: +(6)07-5579376 <http://www.utm.my/vicechancellor>

RUJUKAN KAMI:

UTM.01.01/21.10/1/1

15 Julai 2014

RUJUKAN TUAN:

17 Ramadhan 2014

Mengadap Duli Yang Maha Mulia
Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah
Yang Ada Bersemayam di Istana Pasir Pelangi
Johor Bahru
Negeri Johor Darul Ta'zim,

Dengan sepenuh kesejahteraan dan kemuliaannya.

Assalamualaikum wmt wbr

Ampun Tuanku,

MAJLIS PEMASYHURAN BANGUNAN PERPUSTAKAAN RAJA ZARITH SOFIAH

Adalah patik bagi pihak Universiti Teknologi Malaysia dengan segala hormat dan takzimnya memohon ampun merafak sembah menjunjung kasih ingin menyembahmaklum bahawa UTM akan mengadakan Majlis Pemasyhuran Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah pada 30 September 2014.

Disembahmaklumkan juga bahawa Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah ini merupakan perpustakaan penyelidikan yang dibangunkan bagi membantu merealisasikan peranan UTM sebagai sebuah Universiti Penyelidikan. Selain dari berperanan dalam menyediakan keperluan untuk pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan serta penerbitan kepada warga UTM, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah juga akan berperanan sebagai pusat pameran dari tokoh penyelidik tersohor serta hasil penyelidikan mereka.

Sehubungan dengan itu, patik dengan takzimnya memohon perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk hadir mencemar duli bagi memasyhurkan Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah. Untuk makluman Duli Yang Maha Mulia Tuanku, perasmian bemula pada butiran seperti di bawah :

Tarikh : **30 September 2014 (Selasa)**
Masa : **9.00 pagi hingga 11.00 pagi**
Tempat : **Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah (T04), UTM Johor Bahru**

Disembahmaklum cadangan dan tentatif program pemasyhuran berkenaan. Patik berharap semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku dapat mencemar duli ke majlis pemasyhuran ini.

...2/-

Ampun Tuanku,

Demikianlah persembahan patik dan patik berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala mudah-mudahan dilanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Ibrahim dan Yang Maha Mulia Tunku, Paduka-Paduka Putera, Paduka Puteri serta Kerabat DiRaja sekalian, sentiasa berada di dalam kandungan sihat walafiat, aman makmur serta bertambah-tambah lagi darjat dan kemuliaan. Patik juga berdoa mudah-mudahan Baginda Tuanku Sultan kekal memerintah di atas takhta Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim. Amin, Amin Ya Rabbul 'Alamiin.

Ampun Tuanku,
Sembah patik mohon diampun.

Adalah patik dengan sepenuh ta'zim,

Yang taat setia,



PROF. DATUK IR. DR. WAHID BIN OMAR
Naib Canselor



MAJILS PEMASYHURAN PERPUSTAKAAN RAJA ZARITH SOFIAH

30 September 2014 (Selasa)

9.00 pagi hingga 11.00 pagi

Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah (T04)
Universiti Teknologi Malaysia
Johor Bahru

ATUR CARA

- 8.30 pagi : Ketibaan tetamu jemputan
- 8.55 pagi : Ketibaan YBhg Datuk Naib Canselor UTM
- : Ketibaan Dif-dif Kehormat
- 9.00 pagi : Ketibaan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Halim bin Ali serta isteri
- 9.05 pagi : Ketibaan Pro-Canselor, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr. Yahya bin Awang serta isteri
- 9.10 pagi : Ketibaan Pro-Canselor, Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Salleh bin Mohd. Nor serta isteri
- 9.15 pagi : Ketibaan Pro-Canselor, Yang Berhormat Dato' Dr. Muhammad Ridzuan bin Hj. Salleh serta isteri
- 9.30 pagi : Keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah, Canselor UTM
- : Lagu Negaraku
- : Doa Keberangkatan
- : Ucapan YBhg Datuk Naib Canselor
- : Titah Perasmian Pemasyhuran Perpustakaan Raja Zarith Sofiah oleh DYMM Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah
- : Pelancaran Buku Adat Istiadat Kesultanan Johor Moden (1855 – 2012)
- : Lawatan
 - Pemasyhuran Bangunan PRZS
 - Lawatan ke Pameran
 - Lawatan Demo Book-Drop/Sorting Machine
 - Lawatan ke Galeri Raja Zarith Sofiah
 - Lawatan ke RDM Showcase
- : Persembahan cenderamata
- : Majlis Santapan
- : Doa Keberangkatan Pulang
- : Keberangkatan pulang DYMM Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah

MAJLIS BERSURAI

Pakaian : Lounge Suit Gelap (Bersongkok)